

0378

UB464 D E B
MAHATHIR - TEMPATAN (DENGAN GAMBAR)

KUALA LUMPUR, 17 OGOS (BERNAMA) -- PENTABIRAN MAJLIS-MAJLIS TEMPATAN MESTI DIPERTINGKATKAN SUPAYA MENJADI SATU PENTADBIRAN YANG CUKUP CEKAP DAN LICIN, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

INI BAGI MEMBOLEHKANNYA MENGHADAPI MASALAH YANG LEBIH MENCABAR PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG DAN SUPAYA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA TIDAK TERGANGGU. KATANYA.

BELIAU BERKATA, PENTADBIRAN PADA SEMUA PERINGKAT MAJLIS TEMPATAN MESTI DIPERTINGKAT DAN DISELARASKAN, SAMA SEPERTI PENTADBIRAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PUSAT.

SEMASA BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN KEBANGSAAN AHLI-AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA TIADA GUNANYA PENTADBIRAN DI PERINGKAT KERAJAAN PUSAT SAHAJA BAIK DAN KERAJAAN NEGERI TIDAK, ATAUPUN DI PERINGKAT KERAJAAN NEGERI BAIK, DI PERINGKAT KERAJAAN TEMPATAN TIDAK.

+KITA MAHU MELIHAT PENTADBIRAN DI SELURUH NEGARA, DARIPADA KERAJAAN PUSAT HINGGALAH KE KAMPUNG-KAMPUNG ADALAH BAIK SUPAYA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA BERTAMBAH BAIK.

+JUSTRU ITU AHLI-AHLI MAJLIS TEMPATAN MESTI MELIHAT CARA-CARA PENTADBIRAN BUKAN SAHAJA DI MAJLIS TEMPATAN YANG LAIN, TETAPI JUGA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PUSAT, KATANYA. -- LAGI.
1215MST 17 0 8 8 9

UB471 D E B
MAHATHIR - TEMPATAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TEMPATAN AKAN BERTAMBAH EKORAN ALIRAN PENGHIJRAHAN PENDUDUK NEGARA DARI DESAN KE BANDAR YANG BERTAMBAH.

KATANYA PADA TAHUN 1970, KIRA-KIRA 27 PERATUS PENDUDUK NEGARA TINGGAL DI BANDAR DAN IA MENINGKAT KEPADA KIRA-KIRA 46 PERATUS PADA TAHUN 1986 DAN DIJANGKA MENINGKAT KEPADA 60 PERATUS PADA TAHUN 2000.

ALIRAN PENGHIJRAHAN ITU TIDAK DAPAT DIELAKKAN OLEH SESEBUAH NEGARA KERANA IA MENUNJUKKAN TAHAP PEMBANGUNAN NEGARA TERSEBUT, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ALIRAN PENGHIJRAHAN ITU MEMBAWA PERTAMBAHAN MASALAH TERMASUK PENEMPATAN ATAU SETINGGAN, KEBERSIHAN DAN JALAN RAYA YANG MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB MAJLIS TEMPATAN UNTUK MENGATASINYA.

+SAMA ADA KITA DAPAT MENGATASI PERTAMBAHAN MASALAH INI BERGANTUNG KEPADA KEPINTARAN, KECEKAPAN, MINAT DAN DEDIKASI ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TEMPATAN, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKIRANYA, MAJLIS TEMPATAN TIDAK MAMPU MENGURUSKAN DAN MENGATASI MASALAH TERSEBUT, MAKA PENDUDUK YANG BERHIJRAH INI TIDAK AKAN DAPAT MENDAPAT NIKMAT YANG SEPATUTNYA DIKECAPI HASIL PENGHIJRAHAN MEREKA ITU. -- LAGI.

1243MST 17 08 89

U B479 DEB
MAHATHIR - TEMPATAN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, JUSTRU ITU, PERANAN ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TEMPATAN AKAN MENJADI LEBIH PENTING LAGI KERANA MEREKA AKAN MENGURUSKAN KERJA PENTADBIRAN SEBAHAGIAN BESAR PENDUDUK NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR **JUGA BERKATA, RAKYAT NEGARA INI MESTI MEMPUNYAI KESEDARAN SIVIK** DAN LEBIH SEDAR AKAN KEPENTINGAN **MENJAGA** KEBERSIHAN SEPERTI MEMBUANG SAMPAH **DI** TEMPATNYA DAN MENJAGA KEBERSIHAN TANDAS AWAM.

+TIADA GUNANYA KITA KATA NEGARA KITA SEMAKIN KAYA, SEMAKIN MAKMUR TETAPI **KITA** SEBENARNYA **HIDUP** DALAM TIMBUNAN SAMPAH. DAN INI AKAN BERLAKU JIKA **KITA** TIDAK BOLEH **MENGURUS,+** TAMBAH BELIAU.
+KALAU KITA DAPAT PERLIHATKAN SIKAP YANG LEBIH BAIK DENGAN MENGADAKAN BANDAR YANG BUKAN **SAHAJA BERSIH** TETAPI **JUGA** CANTIK DAN SELESA UNTUK KEHIDUPAN **RAKYAT, KITA** DAPAT BUKTIKAN KEPADA DUNIA BAHAWA **KITA** TELAH **BINA** SATU TAMADUN YANG BOLEH **KITA** BANGGAKAN **DI** ZAMAN **INI,+** KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKIRNYA RAKYAT NEGARA **INI** HENDAK **HIDUP** SEMPURNA DAN **SIHAT,** MEREKA PERLU MEMBERI PENEKANAN **KEPADA** KEBERSIHAN DAN MENYAMPAIKANNYA KEPADA YANG LAIN.

KATANYA, SIKAP SEUMPAMA ITU AKAN MEMBUATKAN **DUNIA** MEMAND'ANG TINGGI **BANGSA** MALAYSIA SEBAGAI **BANGSA** YANG TAHU MENJAGA **KEBERSIHAN,** BERUSAHA MENJAGA KEINDAHAN DAN KEADAAN **ALAM** SEKELILING.

KERBERSIHAN MERUPAKAN SATU DARIPADA PERKARA YANG DIBERI TUMPUAN DALAM **NEGARA, KATANYA** SAMBIL MENAMBAH BAHAWA SEMUA BANDAR **DI** NEGARA **INI** MESTI DIJAGA KEBERSIHANNYA. -- **LAGI.**

1404MST 17 08 89

U 8480 DEB
MAHATHIR - TEMPATAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU **JUGA** BERHARAP TANDAS AWAM **DI** NEGARA **INI** SENTIASA DIJAGA KEBERSIHANNYA SUPAYA TIDAK MEMBERI GAMBARAN YANG BURUK KEPADA **PELANCONG, SAMBIL** MENARIK PERHATIAN BAHAWA TANDAS AWAM **DI** LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG SUDAH SEMAKIN BERSIH.

KATANYA, D A L A M Z A M A N **MODEN INI, KITA TIDAK BOLEH MEMBERI ALASAN** BAHAWA TANDAS BUSUK KERANA TELAH TERDAPAT PELBAGAI PEWANGI DAN BAU-BAUAN YANG BOLEH DIGUNAKAN.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TEMPATAN MESTI MENJALANKAN **TUGAS** DAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA KAWASAN **MASING-MASING** DAN **TIDAK** HANYA BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ORANG YANG MELANTIK MEREKA SAHAJA.

KATANYA, PERUBAHAN SISTEM PEMILIHAN ANGGOTA DARIPADA **SISTEM** PILIHAN **RAYA** SEMASA NEGARA BELUM MENCAPAI KEMERDEKAAN KEPADA PERLANTIKAN OLEH KERAJAAN MEMBAWA **BANYAK** KEBAIKAN KERANA SEMASA **SISTEM** PILIHAN **RAYA, ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TEMPATAN LEBIH BANYAK** MENIMBULKAN ISU-ISU **NASIONAL** DAN PERKAUMAN DARIPADA **ISU** SETEMPAT.

SISTEM YANG DIAMALKAN SEKARANG MEMBAWA **BANYAK** MANFAAT KERANA IA MEMBOLEHKAN ANGGOTA MAJLIS TEMPATAN BERKHIDMAT **DI** KAWASAN **MASING-MASING TANPA** MENGIRA **BANGSA** ATAU **KAUM, KATANYA. -- LAGI.**

1411MST 17 0 8 8 9

U 8481 DEB
MAHATHIR - TEMPATAN 5 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN **PERDANA** MENTERI BERKATA **SISTEM** SEKARANG **JUGA** MEMPUNYAI KELEMAHAN JIKA ANGGOTA MAJLIS TEMPATAN TIDAK BERASA BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PENDUDUK KAWASANNYA TETAPI HANYA KEPADA KERAJAAN YANG MELANTIK MEREKA.

JIKA **INI BERLAKU, MUNGKIN** MEREKA TIDAK BOLEH MEMBERI KHIDMAT YANG BAIK KEPADA PENDUDUK DAN SUDAH TENTU AKAN MENJADIKAN ANGGOTA MAJLIS **INI** TIDAK BERGUNA DARIPADA PANDANGAN **RAKYAT, TAMBAHNYA.**

KIRA-KIRA 21800 ANGGOTA MAJLIS TEMPATAN **DARI SELURUH NEGARA,** TERMASUK MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN ENCIK LEE KIM **SAI** DAN TIMBALAN-TIMBALANNYA SENATOR DATUK HAJI **HUSSEIN AHMAD** DAN ENCIK **OSU HAJI** SUKAN MENYERTAI MAJLISI PERASMIAN PERSIDANGAN **SEHARI** ITU.

PERSIDANGAN ANJURAN KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN **YANG PERTAMA** SEUMPAMANNYA DIADAKAN BERTUJUAN ANTARA LAIN UNTUK MEMBERI PENGETAHUAN YANG LEBIH MENDALAM KEPADA SETIAP ANGGOTA MAJLIS TEMPATAN MENGENAI PERANAN DAN **TUGAS** UNTUK MENYAHUT **CABARAN TAHUN 1990-AN.** -- BERNAMA.

1413MST 17 0 8 8 9

... DARI ...